

Oleh : DATUK SERI SYED HAMID ALBAR
Tempat : KUALA LUMPUR
Tarikh : 19 FEBRUARI 2002
Tajuk : MESYUARAT KETUJUH SURUHANJAYA BERSAMA MALAYSIA-INDONESIA

Yang saya hormati, Tuan Yang Terutama Dr. Nur Hassan Wirajuda
Menteri Luar Negeri Republik Indonesia,

Yang saya hormati ahli-ahli delegasi Indonesia dan Malaysia,

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

Bismillahirrahmanirahim,
Assalamualaikum Warahmahtullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Pada kesempatan ini saya dan seluruh anggota delegasi Malaysia ingin mengalu-alukan kedatangan Tuan Yang Terutama Dr. Hassan Wirajuda dan semua ahli delegasi Indonesia ke Malaysia bagi menghadiri Mesyuarat Ketujuh Suruhanjaya Bersama di antara Malaysia dan Republik Indonesia. Saya berharap Tuan Yang Terutama dan semua ahli delegasi berasa senang dan berada dalam keadaan selesa semasa di sini.

2. Saya amat bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izinnya, kita telah dapat bertemu semula pada Mesyuarat Suruhanjaya Bersama Malaysia-Indonesia setelah sekian lama tidak diadakan. Sebagaimana Tuan Yang Terutama sedia maklum, kali terakhir kedua-dua belah pihak bertemu adalah pada tahun 1997 di Jakarta. Namun demikian, Malaysia yakin dan percaya bahawa Suruhanjaya Bersama ini adalah masih relevan dan merupakan salah satu mekanisma yang paling baik bagi memantapkan hubungan kerjasama dua hala antara Malaysia dan Indonesia.

Tuan Yang Terutama,

3. Mesyuarat kali ini memberikan peluang kepada kita untuk meneruskan usaha-usaha kita untuk memaju dan meningkatkan lagi perhubungan yang sedia akrab di antara kedua-dua negara. Pada mesyuarat ini kita akan meneliti perkembangan-perkembangan dalam kerjasama dan hubungan dua hala antara kedua-dua negara semenjak mesyuarat terdahulu pada tahun 1997 di Jakarta. Sudah tentu banyak perkembangan yang telah berlaku semenjak mesyuarat terakhir Suruhanjaya Bersama ini. Saya percaya bahawa kita juga akan dapat mengenalpasti bidang-bidang kerjasama baru yang boleh diadakan demi kebaikan bersama untuk meningkatkan hubungan dan kerjasama dua hala demi kebaikan rakyat kedua-dua negara. Disamping itu, saya percaya mesyuarat ini akan dapat mencari penyelesaian kepada beberapa masalah yang wujud di antara kedua-dua negara.

Tuan Yang Terutama,

4. Pada keseluruhannya, Malaysia berpuas hati dengan tahap perkembangan hubungan dua hala yang telah dicapai sehingga kini. Persefahaman dan persaudaraan yang erat serta sikap saling hormat-menghormati di antara pemimpin serta rakyat di kedua belah pihak telah memupuk dan menyumbang kepada persefahaman dan kerjasama yang rapat antara Malaysia dan Indonesia. Melalui mekanisma-mekanisma dua hala yang sedia ada, termasuk Suruhanjaya Bersama ini, kedua-dua negara telah berjaya menjalinkan kerjasama yang erat dalam pelbagai bidang terutamanya di dalam bidang perdagangan, pelaburan, teknikal, pertahanan, sains dan teknologi, kebudayaan dan sukan, pertanian dan pengangkutan dan sebagainya.

5. Namun demikian, adalah tidak dapat dinafikan bahawa beberapa masalah atau isu telah juga timbul dari semasa ke semasa yang mungkin boleh memberi kesan kepada hubungan dua hala sekiranya tidak ditangani dengan berkesan dan memuaskan. Masalah-masalah serta isu-isu ini perlu dan haruslah ditangani dan diselesaikan melalui mekanisma dua hala seperti Suruhanjaya Bersama dan Jawatankuasa Am Sempadan tanpa diperbesar-besarkan oleh mana-mana pihak termasuk media massa yang hanya akan memberi kesan negatif kepada hubungan akrab yang sedia terjalin diantara Malaysia dan Indonesia selama ini. Justeru itu, adalah wajar bagi kita berusaha untuk mencari pendekatan kepada permasalahan-permasalahan ini dengan sebaik-baiknya melalui perbincangan dan di dalam suasana mesra serta penuh persefahaman bagi mengikiskan apa jua salah faham dan prejudis yang timbul.

Tuan Yang Terutama,

6. Adalah jelas bahawa Malaysia dan Indonesia terpaksa menghadapi arus dan cabaran dari proses globalisasi dan liberalisasi. Krisis kewangan dan ekonomi yang melanda rantau ini beberapa tahun yang lalu telah banyak memberi kesan kepada kedua-dua negara dan rantau ini. Pada masa ini, kita juga menghadapi cabaran-cabaran seperti ancaman daripada kumpulan militan dan ekstremis yang boleh mengugat bukan sahaja keselamatan dan keamanan di negara masing-masing dan rantau ini, tetapi juga usaha-usaha kita untuk membangunkan negara masing-masing. Oleh itu kita harus bersedia untuk menangani perkara ini dengan baik dan memuaskan. Dalam menghadapi cabaran-cabaran ini, kita harus akur bahawa kita tidak akan mencapai kejayaan tanpa saling berkerjasama di antara satu sama lain. Kearah ini, Malaysia sentiasa bersedia untuk meningkatkan kerjasama dengan Indonesia dan negara-negara lain di rantau ini dalam pelbagai bidang serta memupukkan perkongsian pengalaman demi untuk menjamin kesejahteraan rakyat kita semua.

Tuan Yang Terutama,

7. Agenda Mesyuarat kita pada hari ini merangkumi skop yang amat luas termasuk isu kepentingan bersama seperti pekerja asing, pendatang tanpa izin, masalah nelayan di Selat Melaka serta kerjasama dalam pelbagai bidang seperti pelaburan, perdagangan dan penerangan. Terdapat juga beberapa isu baru pada mesyuarat ini seperti pertukaran maklumat mengenai "human trafficking" dan terrorisma. Saya yakin bahawa usaha dan perbincangan kita pada hari ini akan menghasilkan kejayaan demi meningkatkan persefahaman dan kerjasama yang lebih erat dan mantap di antara kedua-dua negara.

8. Saya mengucapkan syabas dan terima kasih kepada para pegawai dari kedua belah pihak yang telah bertungkus-lumus semalam untuk memastikan perbincangan kita pada hari ini mencapai kejayaan dan berjalan dengan lancar.

Tuan Yang Terutama,

9. Sebagai akhir kata, saya sekali lagi ingin mengucapkan selamat datang kepada Tuan Yang Terutama dan semua ahli delegasi dari Indonesia dan semoga perbincangan kita pada Mesyuarat Ketujuh Suruhanjaya Bersama Malaysia-Indonesia pada hari ini akan membawa kejayaan yang akan memberangsang dan memantapkan lagi kerjasama dan hubungan antara Malaysia dan Republik Indonesia. Saya juga berharap semoga segala persiapan dan program yang diatitkan adalah memuaskan kepada Tuan Yang Terutama dan semua ahli delegasi Malaysia.

Terima kasih.

Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmathullah.

Kuala Lumpur
19 Februari 2002